

597

MAHATHIR

1975

257

KUALA LUMPUR, 27 JUN (BERNAMA)--UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA SEDANG MENGGUNAKAN SEKOLAH ALAM SHAH SEBAGAI PUSAT KURSUS MATRIKULASI BAGI PENUNTUT YANG AKAN MENGIKUTI KURSUS DI FAKULTI SAINS DAN PERUBATAN PADA TAHUN 1977.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA PADA MASA INI 200 ORANG PENUNTUT MENGIKUTI KELAS TERSEBUT.

USAHA INI AKAN MENAMBAHKAN LAGI PELAJAR YANG LAYAK MENGIKUTI KURSUS FAKULTI SAINS, KEJURUTERAAN DAN PERUBATAN DI UNIVERSITI TEMPATAN DIMASA DEPAN.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN DIHARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH TAHUNAN SEKOLAH ALAM SHAH SERTA MERESMIKAN KURSUS PIMPINAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERSATUAN SEKOLAH.

DR. MAHATHIR MENINGGATKAN PELAJAR BERASRAMA AKAN DITUKARKAN KE SEKOLAH BERHAMPIRAN DENGAN RUMAH MEREKA JIKA DIDAPATI TERLIBAT DALAM KEGIATAN MENYALAHGUNAKAN DADAH.

TEMPAT MEREKA BOLEH DIISI OLEH MURID YANG RENDAH SEDIKIT KELULUSAN AKADEMIKNYA TETAPI BERAKHLAK DAN BERBUDI TINGGI.--
BERSAMBUNG 1710/NB

598

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PELAJAR BERAKHLAK DAN BERBUDI PEKERTI TINGGI SAJALAH YANG PATUT DIBERI SEGALA KEMUDAHAN PELAJARAN KERANA MEREKA TIDAK MENGSIASIAKAN KEMUDAHAN ITU UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG.

DR. MAHATHIR MENINGGATKAN IBUBAPA DAN MURID-MURID PATUTLAH MENYEDARI BAHWA MEREKA YANG TINGGAL DI ASRAMA MENDAPAT KEMUDAHAN LEBIH BAIK DARI PELAJAR LAIN.

TUJUANNYA IALAH SUPAYA MEREKA DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP PELAJARAN UNTUK KEJAYAAN LEBIH TINGGI.

KATANYA, PENGARUH YANG TIDAK DIINGINI MEMANG MUDAH MERESAP DIKALANGAN PELAJAR SEKOLAH BERASRAMA JIKA TIDAK ADA PENGAWASAN RAPI.

MEREKA YANG MENJADI PENAGIH DADAH, BUKAN SAJA AKAN GAGAL TETAPI JUGA BOLEH MEMPENGARUHI MURID LAIN YANG TINGGAL BERSAMA.

BELIAU BERHARAP MEREKA YANG TERLIBAT KEMBALI KE PANGKAL JALAN.--
BERNAMA 1713/NB